

12/08/1997

Pengukuhan dolar jejas nilai ringgit

NILAI ringgit terus susut di pasaran tukaran asing semalam dan ditutup pada paras 2.7335/85 berbanding dolar Amerika iaitu paras paling rendah dalam tempoh 40 bulan, berbanding 2.6500/30 pada penutup Jumaat lalu.

Bagaimanapun, kejatuhan nilai ringgit itu berlaku bukan kerana kebimbangan terhadap ekonomi negara, sebaliknya faktor utama yang mendorong penurunan itu ialah pengukuhan nilai dolar di peringkat sejagat.

Berbanding dollar Singapura, ringgit jatuh kepada 1.8416/48 daripada 1.7924/56. Berbanding mark Jerman, ringgit jatuh kepada 1.4727/48 daripada 1.4147/70 dan berbanding paun sterling unit tempatan itu jatuh kepada 4.3603/50 dari 4.2175/49. Ia merosot kepada 2.3604/50 berbanding yen dari 2.2386/30 sebelumnya.

Kalangan penganalisis mata wang yang dihubungi berkata keadaan itu tidak harus mencemaskan kerana kejatuhannya juga berpunca daripada pengukuhan dolar Amerika yang turut melanda beberapa mata wang utama dunia.

Pengurus bahagian ekonomi dan penyelidikan pasaran Rating Agency Malaysia Bhd (RAM), Dr Yeah Kim Leng, berkata keadaan itu adalah biasa malah mark Jerman turut susut sehingga tujuh peratus kerana pengukuhan dolar Amerika.

"Reaksi peserta pasaran tidak harus keterlaluan dengan keadaan sekarang. Semua faktor berkisar kepada kejatuhan ringgit dan kadar faedah tinggi, turut menyumbang kejatuhan di pasaran," katanya.

Sementara itu, sentimen di pasaran tukaran wang asing itu turut memberi kesan langsung kepada pasaran modal tempatan dengan Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup pada 902.14 mata di akhir urusan niaga semalam iaitu 30.22 mata lebih rendah daripada penutup Jumaat lalu.

Yeah turut mengulangi kepentingan pelabur mengikut saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru supaya mereka mengambil daya usaha untuk mengetuai pasaran kerana apa yang terjadi sekarang ialah ia jatuh berikutan pengurus dana asing menarik diri.

"Sebab itulah kita tidak harus terlalu bergantung kepada portfolio asing. Apa saja langkah dibuat misalnya oleh Bank Negara, pasti menimbulkan ketidaktentuan di kalangan pelabur asing yang boleh bertindak keluar," katanya.

Ahli Ekonomi Kanan TA Securities Sdn Bhd, Anthony Dass, pula berkata apa yang berlaku terhadap ringgit sekarang adalah lebih kepada pengukuhan mata wang itu selepas Bank Negara menghentikan campur tangan secara agresif bagi membiarkan ringgit diurus niaga berdasarkan kuasa pasaran.

"Ini bermakna, asas sebenar ekonomi akan menentukan nilai ringgit. Ringgit tidak turun secara mendadak dan susut cuma sekitar lapan peratus berbanding kejatuhan di antara 15 hingga 20 peratus nilai sesetengah mata wang di rantau ini termasuk baht," katanya

(END)